AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

# Syor pesakit tak kritikal dirawat di klinik kesihatan

## Alternatif elak kesesakan di jabatan kecemasan hospital kerajaan

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menyarankan orang ramai atau pesakit bukan kritikal dan bukan kecemasan untuk mendapatkan rawatan di klinik kesihatan.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata saranan itu sebagai alternatif bagi membantu mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital kerajaan termasuk Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang.



*Orang ramai dan pesakit bukan kritikal diminta dapatkan rawatan di klinik kesihatan elak kesesakan di hospital kerajaan.* (Foto hiasan)

"Sebagai contoh bagi pesakit di sekitar bandar Klang dan kawasan berhampiran boleh mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan (KK) Bandar Botanik, KK Pandamaran, KK Bukit Kuda dan klinik kesihatan lain yang berdekatan.

"Orang ramai perlu mengambil maklum bahawa Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital kerajaan mengutamakan rawatan khususnya bagi kes kecemasan serta kritikal terlebih dulu.

"Susulan itu, kami memohon kerjasama orang ramai membantu mengurangkan kesesakan dan menggunakan fasiliti kesihatan berhampiran untuk rawatan kes biasa serta bukan kecemasan," katanya kepada *BH*, semalam.

Terdahulu, pihaknya membuat tinjauan di Jabatan Kecemasan hospital susulan isu kesesakan dan mendapati ada yang hadir bukan kes kritikal atau kecemasan, sebaliknya bagi kes atau masalah kesihatan bukan kecemasan termasuk untuk pemeriksaan darah saja.

### Elak lambakan kes

Dr Sha'ari berkata, sejak Ogos tahun lalu, KK Bandar Botanik dibuka kepada orang ramai sehingga jam 9.30 malam pada hari biasa.

Beliau berkata, pada Sabtu dan Ahad, ia dibuka sehingga jam 12.30 tengah hari kecuali pada cuti umum.

"Selain KK Bandar Botanik, KK Ampang dan KK Kajang juga sudah beroperasi seperti ini.

"Klinik kesihatan lain juga akan dilanjutkan tempoh operasi secara berperingkat bagi menampung jumlah pesakit bukan kecemasan untuk mengelak lambakan kes bukan kecemasan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital," katanya.

> Kami memohon kerjasama orang ramai membantu kurangkan kesesakan dan menggunakan fasiliti kesihatan berhampiran untuk rawatan kes biasa serta bukan kecemasan



**Dr Sha'ari Ngadiman,**
*Pengarah Kesihatan Selangor*

**AKHBAR : KOSMO AHAD**
**MUKA SURAT : 9**
**RUANGAN : NEGARA**

50,000 daripadanya babit remaja perempuan masih bersekolah

# 300,000 pelajar ketagih *vape*

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI




**PROGRAM Jelajah Bahaya Vape (JBV) di Johor Bahru semalam adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran bahaya ketagihan *vape* dalam kalangan pelajar sekolah.**

**JOHOR BAHRU** – Seramai 300,000 pelajar sekolah dilaporkan terjebak dengan aktiviti penggunaan peranti rokok elektronik atau 'vape'.

Penceramah I-Medik, Profesor Madya Dr. Madihah Rushaidhi berkata, daripada jumlah itu, seramai 50,000 merupakan pelajar perempuan.

Menurutnya, statistik itu dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) pada 2019 menunjukkan masalah penggunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah membimbangkan.

"Ramai pelajar sekolah beranggapan *vape* hanyalah cecair wap biasa yang berperisa seperti gula-gula dan tanggapan itu tidak betul. Sebaliknya, *vape* ini mengandungi nikotin dalam bentuk cecair pelbagai perisa sehingga menyebabkan ketagihan.

"Bahaya kandungan nikotin ini menjadi lebih apabila ketagih, ia akan membantutkan pembelajaran, menyebabkan hilang fokus dan seterusnya turut menyumbang kepada masalah gejala sosial lain.

"Ramai pihak anggap *vape* lebih selamat berbanding rokok, tetapi mereka salah kerana wap air yang berbahaya itu boleh menjejas kesihatan terutama masalah paru-paru," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Program Jelajah Bahaya Vape (JBV) yang diadakan di Setia Tropika, di sini semalam.

Tambahnya, hal itu kerana cecair *vape* mengandungi nikotin merembeskan bahan kimia dopamin yang akan mewujudkan perasaan gembira secara tidak langsung melatih otak agar mengulangi pengambilan sehingga akhirnya penggunanya menjadi ketagih.

Sementara itu, Pengarah Program JBV, Norleyana Yahya berkata, golongan remaja termasuk pelajar sekolah bukan sahaja semakin terjebak dengan peranti rokok elektronik itu sebaliknya mereka turut dikesan membawa peranti tersebut ke dalam premis sekolah.

"Antara punca utama golongan itu berbuat demikian adalah kerana perasaan mahu mencuba selain terpengaruh dengan rakan sebaya sebelum bertukar menjadi ketagih.

"Ada kes di sebuah sekolah negeri ini, seorang pelajar membawa *vape* dan hisap dalam kelas ketika ketiadaan guru. Ada yang menyorokkan *vape* dalam tandas sekolah.

"Situasi ini menggambarkan mereka ketagih untuk menghisap *vape* dan berani membawa peranti itu ke kawasan larangan," katanya.

Norleyana berkata, susulan itu, inisiatif JBV adalah untuk memberitahu penerangan tentang bahaya *vape* dan kesan buruk jangka masa panjang kepada remaja yang mana sasaran kita adalah pelajar sekolah.

AKHBAR : KOSMOM AHAD
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA



TIAN SOON (tiga dari kiri) menyampaikan peruntukan Projek Akuagro Rukun Tetangga Peringkat Negeri Johor di Pasir Gudang semalam.

# 'Ambil segera dos penggalak kedua'

**JOHOR BAHRU** – Kerajaan negeri masih belum berpuas hati dengan jumlah peratusan penduduk negeri ini yang telah mendapatkan suntikan kedua dos penggalak vaksin Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon berkata, setakat ini hanya sekitar 1.9 peratus daripada keseluruhan lebih 3.5 juta rakyat negeri ini telah berbuat demikian.

Sehubungan itu, katanya, orang ramai boleh segera mendapatkan suntikan kedua dos penggalak di hospital kerajaan ataupun klinik kesihatan terdekat.

"Kalau boleh kita mahu cuba sedaya upaya untuk meningkatkan jumlah rakyat yang terima *booster* kedua, tetapi setakat ini kita baharu capai 1.9 peratus sahaja.

"Mungkin disebabkan keadaan Covid-19 ketika ini yang masih terkawal. Walaupun kita tidak meletakkan sebarang sasaran, namun kita seru rakyat Johor khususnya mereka yang mempunyai sakit kronik atau golongan berisiko tinggi untuk mendapatkannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Projek Akuagro Rukun Tetangga (RT) Johor yang diadakan di Taman Kota Masai, Pasir Gudang, di sini semalam.

Dalam program tersebut, Tian Soon turut menyampaikan peruntukan berjumlah RM230,000 untuk pelaksanaan projek peluasan 20 tapak Akuagro RT bagi tahun ini.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

# Vape pakai buang ancam kesihatan pelajar

Oleh ARIF AIMAN ASROL
dan KHAIRUL MOHD. ALI
aiman.asrol@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu mengawal penjualan vape pakai buang yang kini menjadi kegilaan kira-kira 300,000 pelajar sekolah dan remaja akibat terpengaruh dengan promosi tidak bertanggungjawab syarikat pengeluar yang mengejar keuntungan semata-mata.

Perkara itu tidak boleh dipandang mudah apabila golongan bawah umur senang membeli vape pakai buang tersebut berbanding produk tembakau lain, malah ia juga dijual dengan harga mampu milik bagi seorang pelajar iaitu RM10 setiap set.

Produk tersebut membuatkan pelajar termasuk yang masih bawah umur mudah terjebak untuk mencuba bukan sahaja kerana reka bentuknya 'menarik' tetapi boleh dibeli dengan wang belanja sekolah yang diberikan ibu bapa.

Menurut seorang pemain industri vape tempatan, Shahabudeen Jalil yang juga Pengarah Nanostix Innovations Sdn. Bhd., pengeluar vape luar negara terutamanya dari China gemar menghasilkan reka bentuk vape pakai buang yang boleh menarik perhatian golongan bawah umur untuk mencuba.

Katanya, penggunaan vape secara berleluasa dalam kalangan pelajar bukan sahaja membabitkan aspek masalah sosial tetapi lebih membimbangkan apabila kandungan dalam produk tersebut dikhuatiri berbahaya kerana bahannya tidak dikawal selia.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Vape pakai buang ancam kesihatan pelajar

**Dari muka 1**

"Ini adalah sesuatu yang bahaya dan kita terpaksa bergantung kepada kebijaksanaan pengguna dalam membuat pilihan kerana kawal selia dan penguatkuasaan terhadap produk import ini rapuh serta banyak ruang untuk penambahbaikan.

"Pengeluar vape pakai buang seharusnya wajib regulasi dan piawaian antarabangsa sepertimana produk tempatan yang lain" katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Data Kementerian Kesihatan baru-baru ini mendedahkan pelajar menggunakan vape sekurang-kurangnya sehari sekali dan dapatan tersebut membimbangkan kerana produk itu mengandungi nikotin yang boleh menjejaskan kesihatan.

Tinjauan mendapati vape pakai buang yang dijual berleluasa sengaja direka khas dalam pelbagai bentuk, warna dan disertai pelbagai watak kartun sensasi serta menyerupai alat permainan bagi mengelirukan golongan muda.

Ini membuatkan pelajar yang belum matang mudah untuk tertipu dengan kaedah pasaran itu dan akan cenderung membeli produk tersebut kerana meminati reka bentuk serta ingin mengikuti trend semasa.

Malah bungkusan vape pakai buang itu sengaja dibuat menyerupai gula-gula atau makanan ringan yang pada akhirnya menyukarkan ibu bapa untuk mengesan produk tersebut berada dalam genggaman anak-anak mereka kerana terlepas pandang.

Mengulas lanjut, Shahabudeen berkata, manipulasi vape pakai buang yang berselindung di sebalik minat kanak-kanak tidak boleh dibiarkan.

"Jika tidak dibendung, penjual vape pakai buang ini akan terus menyebar luas aktiviti mereka dengan menyasarkan golongan kanak-kanak untuk terus meraih keuntungan.

"Antara langkah yang mampu menghentikan perbuatan tidak beretika ialah mewajibkan penjualan vape dan rokok elektronik hanya dilakukan di kedai eksklusif berlesen dengan meletakkan syarat had umur untuk memasuki premis," katanya.

Di Johor Bahru, aktivis Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Prof. Madya Dr. Madihah Rushaidhi berkata, ketagihan golongan remaja, termasuk pelajar sekolah terhadap vape amat serius lebih-lebih lagi mereka beranggapan vape hanya cecair wap biasa yang berperisa seperti gula-gula.

"Tanggapan itu tidak betul, sebaliknya vape mengandungi nikotin dalam bentuk cecair pelbagai perisa sehingga menyebabkan ketagihan. Apabila ketagih, akan membantutkan pembelajaran, menyebabkan hilang fokus dan seterusnya turut menyumbang terhadap masalah sosial lain," katanya selepas menghadiri Majlis Pelancaran Jelajah Bahaya Vape (JBV) di sini semalam.

Menurut beliau, cecair vape mengandungi nikotin yang merembeskan bahan kimia dopamin yang akan mewujudkan perasaan gembira dan secara tidak langsung melatih otak supaya mengulangi pengambilan sehingga akhirnya menjadi ketagih.

Sementara itu, Pengarah Program JBV, Norleyana Yahya berkata, remaja termasuk pelajar sekolah yang semakin ketagih turut dikesan membawa peranti tersebut ke sekolah.

"Ada kes di sebuah sekolah negeri ini, seorang pelajar membawa vape dan hisap dalam kelas ketika ketiadaan guru. Ada yang menyorokkan vape dalam tandas sekolah. Situasi ini menggambarkan mereka ketagih untuk menghisap vape dan berani membawa ke kawasan larangan," katanya.

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

# It's a health scam at heart

## Victims made to buy costly packages after free screening

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Retiree K. Niyani got a phone call supposedly from a clinic, offering her a free medical screening for her heart condition.

"They knew I am a heart patient and the details were correct. I've never signed up for anything with them, so it's strange they knew my medical condition," she said.

"The clinic insisted that I go for a screening although I told them I go for regular check-ups at a hospital."

Niyani, 67, said the phone call came from a landline number.

The caller, she said, mentioned the name of the clinic.

Upon searching the Internet for the name, Niyani, from Penang, found that there was no such clinic.

Instead, the search results showed a "wellness centre" with the same name that offered spa services.

The call was likely a ruse to lure people into spending money on purported health packages they don't need.

In such cases, the victims are told that the health screening is by invitation only.

One of the most common requirements is that the person must have a credit card.

They are sometimes required to share their credit card number and other financial and personal details, including MyKad numbers, during the call.

"Most important is that you must have a credit card. Remember, this is by invitation only and we are offering to people aged between 30 and 65," said one such caller.

According to the caller, the offer was being made in conjunction with World Heart Day (which is marked annually on Sept 29.)

A check by *The Star* on some of the names of the organisations and clinics supposedly offering these services revealed that some of them did not exist.

Some of these callers even had information on the person's health status, especially those with heart conditions.

Content writer Fila Rizal, 42, said she received such calls from a mobile phone number, offering a free heart screening at a clinic.

"This happened several times despite me declining the offer. I have never heard of such a clinic," she said.

Another person – who wants to remain anonymous – took up the offer and went to a screening.

He said the consultation comprised checking the vein on a finger.

"The doctor then asked me to get a package which was quite costly. I didn't quite understand the package but it had some supplements in it as well. I put my foot down, saying that I did not want any of it. And I left," he said.

Another anonymous participant said the package offered to him cost more than RM10,000.

"I did not understand what the package was all about, but the price tag shocked me. In fact, there were a lot of confusing details. Maybe they hope you would just buy into it," he said.

Public health advocate Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said there is a possibility that scammers might have been given access to some health records by "irresponsible agents".

Or the schemers might just be banking on general information on the Malaysian population's health and disease statistics, he said.

"People must exercise common sense. If they have medical problems, go to a clinic or hospital.

"Do not engage in online consultations or other medical dealings," said the former Health Ministry official.

"The ethics of screening of medical conditions must be done with proper consultation and follow-up."

Unfortunately, such calls offering these supposedly free wellness screening packages are not new.

In July 2020, the National Heart Institute (IJN) issued an alert on its Facebook page cautioning the pub-

**AKHBAR : SUNDAY STAR**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : NATION**

# Cut in allocation expected to have impact on healthcare

**PETALING JAYA:** Any cut in allocation for health in Budget 2023 will have an impact on healthcare in years to come, says a think tank.

Azrul Mohd Khalib, chief executive of the Galen Centre for Health and Social Policy, said the government needs to demonstrate not only compassionate leadership, but also boldness and vision.

"Any reduction in this year's health allocation will be reflected in the prevalence of non-communicable diseases, ability to provide quality care, number of healthcare professionals leaving the service and worse, morbidity and mortality data for years to come.

"We need to maintain and strengthen our investment in health, not reduce it," he said in a statement yesterday.

A revised Budget 2023 will be tabled on Feb 24.

Azrul also called for the recruitment of those outside of Malaysia to address manpower shortage.

"The government needs to convene a multisectoral taskforce comprising other ministries and agencies (such as the Public Service Department, Human Resource and Higher Education Ministries) to put together a national health workforce strategy, to listen to staff, look at issues and to put together long-term plans to address both recruitment and staff retention," he said, adding that staff retention is also important.

"It is critical to listen and take the views of our healthcare workers seriously. The government must make the formation of this taskforce a priority for its first 100 days," he added.

Azrul noted that the findings of a recent survey by CodeBlue (a portal dedicated to health-related news) reconfirmed that healthcare professionals are overstretched.

"The people who work on the frontlines of healthcare are our greatest asset and are key to delivering high-quality care. They have shown remarkable resilience and commitment. Yet, their concerns appear not to be taken seriously," he said, adding that excessive workload and burnout, amidst widespread anxiety, trauma, and mental fatigue are causing many to quit, causing shortages, and increasing pressure on staff, hence creating a vicious cycle.

He said the emergency and trauma departments were already described as war zones even before the Covid-19 crisis.

"The pandemic has exacerbated these long-term issues, weakened parts of our healthcare system, and caused permanent damage. In some hospitals today, people are waiting between 24 hours and several days for a bed," Azrul said.

The shortage of staff, in addition to insufficient hospital beds, have contributed to prolonged wait for beds and congestion at emergency departments, he said.

According to doctors, the wait at some government hospitals could go up to two days or more due to the congestion.

"With more demand for care as patients pour into hospitals and clinics, healthcare professionals are being forced to choose between care for themselves and care for their patients, which is incredibly unfair," he added.

He said some healthcare workers are already experiencing burnout and there are significant numbers intending to leave, or have already done so.

"Some are leaving to work in other countries, or worse, leaving medicine altogether," he said.